

25 SEP 2001

Mahkamah-Nik Adli

ISA: ANAK MB KELANTAN DITAHAN DUA TAHUN

KOTA BAHARU, 25 Sept (Bernama) -- Anak Menteri Besar Kelantan, Nik Adli Nik Abdul Aziz dikenakan tahanan selama dua tahun mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berkuatkuasa semalam kerana dipercayai mempunyai kaitan dengan kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Mohd Yusof Zainal Abidin berkata surat perintah tahanan itu ditandatangani Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi lepas dan diserahkan kepada Nik Adli pada pukul 6.15 petang semalam.

Tahanan ke atas Nik Adli dibuat mengikut Seksyen 8(1) ISA dan beliau kini ditahan di Pusat Tahanan Perlindungan, Kemunting, Perak, katanya pada perbicaraan habeas corpus Nik Adli di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Nik Adli, 34, guru di Sekolah Menengah Agama Darul Anwar, Pulau Melaka di sini ditahan mengikut Seksyen 73(1) ISA di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan (IPK) pada pukul 10.33 pagi pada 4 Ogos lepas kerana dipercayai mempunyai kaitan dengan pergerakan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Permohonan habeas corpus untuk membebaskan Nik Adli daripada tahanan ISA menamakan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai sebagai responden.

Nik Adli diwakili peguam Sulaiman Abdullah, Zamani Ibrahim, Ahmad Lutfi Awang, Fariz Irwan Mustafa dan Mohd Hanif Idris.

Mohd Yusof bersama Timbalan Pendakwa Raya Tun Abdul Majid Tun Hamzah mewakili responden.

Permohonan itu disokong oleh empat afidavit termasuk daripada isteri Nik Adli, Sles Monira Sles Math (ulangan Sles Monira Sles Math) dan Pengetua Sekolah Menengah Agama Darul Anwar Pulau Melaka, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz. Responden pula mengemukakan 11 afidavit termasuk dari Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara.

Awal bulan lepas, polis menangkap 10 orang yang dipercayai anggota KMM termasuk Nik Adli yang dikatakan ketua kumpulan itu kerana dianggap mengancam keselamatan negara.

Sulaiman dalam penghujahannya berkata penahanan Nik Adli tidak mengikut peraturan mengikut Seksyen 73 ISA dan Artikel 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Beliau juga berkata ISA tidak boleh digunakan untuk menahan Nik Adli kerana Parlimen menggubal akta itu untuk menghapuskan aktiviti komunis dan anasir berkaitan komunis.

Mohd Yusof dalam penghujahan balas berkata ISA tidak terhad kepada komunis dan boleh digunakan untuk mencegah kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

"Penahanan Nik Adli mengikut prosedur yang ditetapkan undang-undang," katanya.

Hakim Datuk Suriyadi Halim Omar menetapkan 4 Okt ini untuk keputusan perbicaraan itu.

-- BERNAMA

BD AKD